

# Politik Sabah tenang

## Dari muka 1

Spekulasi turut tersebar kononnya Mohd. Shafie dan beberapa pemimpin UMNO serta PH Sabah bersedia menghadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin, dipercayai ada kaitan dengan pertukaran Ketua Menteri.

Kerajaan baharu itu dikatakan bakal diwujudkan menerusi kerjasama BN dan Warisan dengan Mohd. Shafie dikatakan bakal dilantik semula sebagai Ketua Menteri.

Bagaimanapun, pecaturan tersebut tidak menjadi. Difahamkan antara puncanya kerana terdapat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) BN Sabah yang tidak sepakat untuk bekerjasama dengan Warisan.

*Utusan Malaysia* difahamkan, 11 daripada 17 ADUN BN Sabah masih kekal menyokong Ketua Menteri sedia ada dan pertemuan tujuh ADUN BN bersama Hajiji semalam menguatkan lagi dakwaan tersebut

Tanpa sokongan 11 ADUN tersebut, gabungan BN dan Warisan tidak mampu membentuk kerajaan kerana tidak memperoleh jumlah kerusi mencukupi iaitu sekurang-kurangnya 40 daripada 79 kerusi DUN Sabah termasuk enam ADUN Dilantik.



**ANWAR Ibrahim (kanan) beramah mesra dengan orang awam semasa singgah makan tengah hari di Kedai Ikan Bakar Tanglin berhampiran Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di ibu negara semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Timbalan Pengerusi BN Sabah, Datuk Yakub Khan mengetuai enam lagi ADUN BN bertemu Hajiji untuk menyatakan sokongan.

Enam ADUN BN yang lain ialah Datuk Andi Muhamad Suryady Bandy (Tanjung Batu), Datuk Mohd Hamsan Ag Supain (Sungai Sibuga), Datuk

James Ratib (Sugut), Datuk Harun Durabi (Bengkoka), Datuk Dr. Yusof Yacob (Sindumin) dan Datuk Raimie Unggi (ADUN Dilantik).